



NGO disaran beli barangan secara terus daripada pemborong dan peruncit

09/04/2020 02:56 PM

KUALA TERENGGANU, 9 April -- Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu perseorangan yang berhasrat mengagih barangan keperluan asas kepada golongan sasaran dalam kuantiti banyak disaran melakukan pembelian secara terus daripada pemborong dan peruncit.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Rosol Wahid berkata kaedah itu lebih praktikal bagi memastikan bekalan barangan keperluan untuk orang ramai tidak terjejas di pasar raya.

"Sejak kebelakangan ini, kita ada terima aduan daripada NGO dan individu persendirian yang berdepan masalah kerana tidak dibenarkan membuat pembelian pukal oleh sesetengah pasar raya.

"Jadi, langkah terbaik ialah mereka membeli secara terus daripada 460 pemborong terpilih daerah dan 668 peruncit terpilih daerah yang telah dikenal pasti oleh KPDNHEP," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di sebuah pusat pemborong yang turut dihadiri Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia di sini hari ini.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata langkah itu bukanlah untuk menyusahkan NGO dan individu perseorangan tersebut namun ia perlu dilakukan bagi memastikan bekalan barangan tidak terjejas di pasar raya yang menjadi tumpuan orang ramai.

"KPDNHEP juga akan membantu NGO dan individu perseorangan itu untuk mendapatkan senarai pemborong terpilih daerah dan peruncit terpilih daerah yang berdekatan dan mereka boleh merujuk kepada KPDNHEP negeri atau daerah masing-masing untuk diselaraskan" katanya.

Dalam perkembangan lain, ketika ditanya mengenai kemalangan yang dialaminya semalam, Rosol berkata walaupun masih trauma namun beliau bersyukur kerana tidak mengalami sebarang kecederaan serius.

"Saya telah menjalani pemeriksaan lanjut di Hospital Hulu Terengganu dan pagi ini masih menjalankan tugas seperti biasa dengan menghadiri mesyuarat bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar.

"Saya berterima kasih kepada semua pihak yang menghulurkan bantuan ketika kejadian terutama polis, pasukan peronda Lebuhraya Pantai Timur Fasa Dua (LPT2) dan Hospital Hulu Terengganu," katanya.

Dalam kejadian 12.15 malam tadi, kenderaan rasmi yang dinaiki Rosol bersama pemandu dan pengawal peribadinya remuk teruk setelah berlanggar lembu yang melintas secara tiba-tiba dekat susur keluar Ajil.

-- BERNAMA

